

■ Beberapa tempat di Lembah Klang dilanda banjir kilat menyebabkan kesesakan teruk

Nadzreen Shah Mat Salim
am@hmetro.com.my

Kuala Lumpur

Biarpun hujan lebat berlaku tidak sampai sejam, namun beberapa lokasi di Lembah Klang dilanda banjir kilat hingga menyebabkan kesesakan lalu lintas teruk.

Ketua Unit Skuad Penyelamat, Jabatan Penguatkuasaan Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) Ketua Inspektor Penguatkuasa (KIP), Zulkifli Maarof berkata, banjir kilat dilaporkan berlaku bermula jam 3 petang semalam.

"Hujan lebat melanda beberapa kawasan antaranya di sekitar Lebuhraya Persekutuan berhampiran Komuter Setia Jaya, Jalan Bangsar menghala Travers, Bulatan Bank Negara dan Jalan Pudu berhampiran Hospital

Redah air bah



KEADAAN banjir kilat di Lebuhraya Damansara-Puchong sebelum Plaza Tol PJS ke Puchong Jaya.

Tung Shin.

"Banjir kilat turut berlaku di Jalan Pantai berdekatan Universiti Malaya, Bulatan

Sultan Hishamuddin, Jalan Kemuja dan Bukit Angkasa ke Kerinchi," katanya ketika dihubungi, semalam.

Menurutnya, banjir kilat bagaimanapun kembali pulih dan keadaan lalu lintas mula terkawal sekitar jam 4.30 petang.

Zulkifli berkata, hujan lebat itu turut mengakibatkan berlakunya kejadian pokok tumbang di Taman Botani Perdana, Jalan Syed Putra berhadapan Sekolah Menengah Sains Seri Puteri dan Wangsa Maju.

"Seramai tujuh anggota DBKL bergegas ke lokasi bersama dengan pihak kontraktor taman untuk memindahkan pokok yang menghalang jalan," katanya.

Sementara itu, Penolong

Pengarah Operasi Bomba dan Penyelamat Selangor Mohd Sani Harul berkata, pihaknya menerima laporan kejadian banjir kilat berhampiran Pusat

Perniagaan IOI Puchong bermula jam 3.40 sehingga 5 petang semalam.

"Banjir kilat itu juga menjejaskan laluan di Lebuhraya Damansara - Puchong. Banjir mengakibatkan air bertakung di kawasan berkenaan setinggi 0.5 meter," katanya.

FAKTA

Banjir kilat kembali pulih dan keadaan lalu lintas mula terkawal sekitar jam 4.30 petang